

26/01/2001

Lulusan Jepun patut diberi peluang

Anak Timur

SAYA tertarik dengan pandangan Anak Malaysia, Perak mengenai Dasar Pandang Ke Timur yang digerakkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada awal 1980-an.

Sebagai seorang bekas pelajar yang mendapat peluang belajar di negara itu, saya amat menghargai usaha murni kerajaan.

Sebenarnya, banyak perkara yang dapat dipelajari hasil daripada Dasar Pandang Ke Timur.

Seperti yang kita sedia maklum orang Jepun adalah satu bangsa yang rajin bekerja dan bersemangat tinggi dalam menjalankan sesuatu tugas.

Jika tidak, manakan negara itu dapat bangkit dan menjadi antara kuasa ekonomi dunia selepas kalah dalam Perang Dunia Kedua.

Sejarah membuktikan bangsa yang tidak pernah mengenal erti putus asa, bersemangat tinggi, rajin dan mempunyai jati diri, akan bangkit sebagai bangsa dihormati dan disegani.

Saya berpendapat, atas perkara itu, Dr Mahathir melancarkan Dasar Pandang Ke Timur hingga sekarang.

Kerajaan telah melihat kejayaan daripada dasar itu dan meneruskannya, walaupun Jepun tidak lagi pulih dalam ekonominya.

Dasar itu berjaya melahirkan anak tempatan yang mahir dan menguasai teknologi Jepun.

Dalam suratnya, Anak Malaysia mengeluh kerana ramai pelajar Malaysia lulusan pusat pengajian tinggi Jepun tidak dapat mencurahkan pengalaman mereka untuk faedah keseluruhan rakyat Malaysia. Menurut beliau, kebanyakan pelajar itu bekerja di syarikat Jepun di Malaysia.

Saya amat bersetuju dengan pandangan itu kerana sektor awam di Malaysia kurang memberi perhatian kepada kebolehan pelajar dari Jepun ini.

Kerajaan sepatutnya menyediakan peluang lebih luas dalam sektor awam bagi membolehkan pelajar lulusan pusat pengajian tinggi Jepun, mencurahkan ilmu mereka untuk faedah rakyat Malaysia.

Sebagai contoh, saya mempunyai seorang rakan yang mengambil kursus kedoktoran di Jepun. Pelajar itu mengadu dia dikatakan tidak mempunyai peluang untuk mengajar di universiti tempatan kerana mereka lebih berminat mengambil pelajar lulusan universiti dari Barat yang fasih berbahasa Inggeris.

Pada pandangan saya, keadaan itu menyebabkan pelajar lulusan universiti Jepun lebih berminat bekerja di syarikat Jepun.

Lagipun, syarikat Jepun di Malaysia sentiasa menadah tangan untuk menanti kehadiran pelajar lulusan dari negara mereka.

Saya percaya Dasar Pandang Ke Timur akan lebih berkesan jika pelajar yang menerima ilmu dari Jepun diberi fungsi lebih penting dalam sektor awam.